

## **Kerajaan tidak cadang beri kuasa pendakwaan kepada SPRM**

### **Malaysian Insider**

#### **Dec 1, 2015**

Kerajaan tidak bercadang untuk memberikan kuasa kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk memulakan pendakwaan kes rasuah secara penuh tanpa perlu merujuk peguam negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paul Low Seng Kuan berkata langkah itu kerana penyiasatan dan pendakwaan sesuatu kes dijalankan berlandaskan prinsip 'check and balance'.

"Ia juga menjadi amalan hampir setiap negara di dunia ini keputusan untuk memulakan, menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding sesuatu kesalahan dibuat pendakwa raya dan tidak dipengaruhi agensi penyiasatan," katanya dalam jawapan bertulis kepada soalan William Leong Jee Keen (PKR-Selayang) di Dewan Rakyat hari ini.

Leong ingin mengetahui sebab kerajaan enggan memberi SPRM kuasa pendakwaan serta langkah melindungi pegawai pendakwaan.

Low berkata sebagai sebuah negara yang mengamalkan demokrasi yang mana prinsip pengasingan kuasa menjadi tunjangnya, maka menjadi amalan yang diterima sebagai terbaik jika pihak yang membuat siasatan tidak memutuskan hasil siasatan mereka sendiri.

"Bagaimanapun, bagi memudahkan urusan penelitian dan rujukan kertas siasatan, timbalan pendakwa raya dari Jabatan Peguam Negara ditempatkan di ibu pejabat SPRM dan sebahagian besar negeri," katanya. – Bernama, 1 Disember, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/kerajaan-tidak-cadang-beri-kuasa-pendakwaan-kepada-sprm>